



19 Jun 2012  
19 June 2012  
P.U. (A) 185

# WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2012

### *STAMP ACT (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 2) 2012.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 8 Oktober 2011 dan hendaklah terus berkuat kuasa hingga 31 Disember 2016.

**Pemakaian**

2. Perintah ini terpakai bagi pusat pengurusan perpendaharaan yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia;
- (b) menjalankan di Malaysia suatu perniagaan yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana yang layak yang ditentukan oleh Menteri; dan
- (c) diluluskan oleh Menteri apabila memenuhi syarat yang ditentukan olehnya.

**Pengecualian**

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), semua surat cara perjanjian pinjaman dan perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan oleh pusat pengurusan perpendaharaan dikecualikan daripada duti setem yang jika tidak kerana pengecualian ini boleh dikenakan di bawah Akta.